

**[SHAKL'S METHOD IN QIYAS ON ELABORATING THE EVIDENCE OF THE NEW NATURE IN AL-DUR AL-THAMIN BY SHEIKH DAUD AL-FATANI]****KAEDAH SHAKL DALAM QIYAS PADA MENGHURAIKAN DALIL BAHRU ALAM DALAM AL-DUR AL-THAMIN KARYA SHEIKH DAUD AL-FATANI**AHMAD HAFIZ ALI MAKDOM<sup>1</sup>MOHD HASRUL SHUHARI<sup>2</sup>WAN HISHAMUDIN WAN JUSOH<sup>3</sup><sup>1</sup>Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Terengganu, MALAYSIA.

Email: hafizahmad507@gmail.com

---

Received: 6 Oktober 2021

Accepted: 15 Oktober 2021

Published: 1 December 2021

---

**Abstract**

*Shakl is an important element in identifying the arrangement of qiyās applied as a process of producing true results. What has been divided by the logical scholars into four types where each of them has the different result in the order of each argument presented through a different order of shakl. Therefore, this paper will discuss related to the type of shakl applied by Sheikh Daud al-Fatani in describing tafsili propositions related to nature via his work al-Dur al-Thamin. This qualitative form study applies the method of documentation and data analysis in identifying the form of shakl used by Sheikh Daud al-Fatani in establishing new propositions of nature. The scope of the debate focuses on the brief biography of Sheikh Daud al-Fatani and the explanations related to the tafsili propositions in the specific belief in elaborating on the new propositions of nature. Then, there will be a connection and connection between shakl and qiyas with quotations from logical scholars using their works such as Idah al-Mubham, Hashiyah al-Hifni and so on as well as the method of shakl structured to establish a new proposition of nature in al-Dur al-Thamin. As a result, Sheikh Daud al-Fatani applied the first method of shakl in explaining tafsili propositions related to the new nature. The problem of the first shakl is the shakl which is most preferred by the logical scholars more than the other three types of shakl left.*

**Keywords:** shakl, qiyas, Sheikh Daud al-Fatani, al-Dur al-Thamin, tafsili propositions**Abstrak**

Shakl merupakan satu elemen yang penting dalam mengenalpasti susunan qiyās yang diaplikasikan sebagai proses penghasilan natijah yang benar. Bahkan shakl tersebut telah dibahagikan oleh para ulama mantik kepada empat jenis di mana masing-masing memiliki natijah yang sama dalam susunan setiap hujah yang dikemukakan melalui susunan shakl yang berbeza. Oleh yang demikian, tujuan makalah ini adalah untuk membincangkan berkenaan dengan jenis shakl yang diaplikasikan oleh Sheikh Dāwūd al-Faṭānī pada menghuraikan dalil tafsīlī berkaitan dengan baharu alam menerusi karyanya al-Dur al-Thamīn. Kajian berbentuk kualitatif ini mengaplikasikan kaedah dokumentasi dan analisis data dalam mengenalpasti bentuk shakl yang digunakan oleh Sheikh Dāwūd al-Faṭānī pada menatijahkan dalil baharu alam. Skop perbahasan tertumpu kepada biografi Sheikh Dāwūd al-Faṭānī secara ringkas dan penerangan berkenaan dalil secara tafsīlī dalam akidah khususnya pada menghuraikan dalil

baharu alam. Kemudian, akan dimuatkan hubungan dan perkaitan antara shakl dan qiyas dengan nukilan para ulama mantik menerusi karya-karya mereka seperti *İdāh al-Mubham*, *Mughnī al-Tullāb* dan sebagainya serta kaedah shakl yang distrukturkan untuk menatijahkan dalil baharu alam dalam *al-Dur al-Thamīn*. Hasilnya, Sheikh Dāwūd al-Faṭānī mengaplikasikan kaedah shakl yang pertama dalam menerangkan dalil *tafsīlī* berkenaan dengan baharu alam. Bahkan shakl yang pertama itu merupakan shakl yang paling diutamakan oleh para ulama mantik berbanding dengan tiga jenis shakl yang lain.

**Kata kunci:** Shakl, Qiyas, Syeikh Daud al-Fatani, Dalil Tafsili

## PENDAHULUAN

Qiyas merupakan suatu elemen yang sangat penting dalam pendalilan akidah bagi mencapai objektif keyakinan yang kukuh dalam hati terhadap Allah SWT dan juga selainNya. Bukan itu sahaja, malah qiyas juga sinonim dan boleh diistilahkan juga sebagai dalil ataupun *burhan* (al-Fadani t.t & al-Quwaysini 2014). Apabila disebutkan qiyas maka sudah pasti terkait dengannya sekali berkenaan dengan *shakl* yang menjadi tunjang kepada susunan qiyas yang tepat bagi menghasilkan natijah yang konkrit dan teratur ('Iwadullah 2016). Para ulama membahagikan *shakl* yang diaplikasikan dalam *qiyās* kepada empat bahagian namun pembuktian terhadap baharu alam menerusi *qiyās* yang dikemukakan oleh Sheikh Daud al-Fatani tidak menonjol secara sistematik berbentuk jadual. Oleh sebab itu, tujuan makalah ini adalah untuk menerangkan konsep *shakl* dalam *qiyās* menurut para ulama mantik secara umum. Kemudian, menerangkan penghujahan Sheikh Daud al-Fatani berkaitan dengan baharu alam menerusi *shakl* yang dikemukakan dalam karya *al-Dur al-Thamīn* dengan huraiyan yang lebih sistematik berbentuk jadual. Oleh itu, makalah ini menggunakan kaedah dokumentasi dan analisis data dalam memastikan jenis *shakl* yang diutarakan oleh Sheikh Daud al-Fatani dalam *qiyās* tersebut berkenaan dengan baharu alam. Kebanyakan daripada ulama memberikan contoh pegangan alam ini baharu atau *mungkin* atau *mungkin* serta baharu melalui kaedah qiyas *al-iqtirani* menerusi penyusunan yang lengkap daripada *al-muqaddimah al-sughra* dan *al-muqaddimah al-kubra* serta natijah untuk memberi suntikan keyakinan terhadap pembaharuan alam yang menjadi dalil kepada kewujudan pencipta yang bernama Allah SWT (Ahmad al-Fatani t.t & Daud al-Fatani t.t). Oleh sebab itu, Sheikh Daud al-Fatani (t.ta) mendatangkan dalil *tafsili* secara qiyas dalam *al-Dur al-Thamin* yang menatijahkan alam ini baharu atau *mungkin* atau *mungkin* serta baharu dengan susunan *shakl* yang diutamakan oleh ulama mantik dalam qiyas bahkan terdapat kaedah *shakl* yang lain untuk menghasilkan natijah yang serupa tanpa mengubah realiti yang berlaku.

## BIOGRAFI RINGKAS SHEIKH DAUD AL-FATANI

Nama beliau ialah al-Alim al-Allamah al-Arif al-Rabbani Sheikh Wan Daud bin Wan Abdullah bin Sheikh Wan Idris (Wan Senik) bin Tok Wan Abu Bakar bin Tok Kaya Pandak bin Andi(Faqih) Ali Datuk Maharajalela al-Fatani (Nur Syazana et al. 2018, Francis R. Bradley 2016, Abdull Rahman 2006 & Hadenan et al. 2012a). Beliau juga dikenali sebagai "Tok Sheikh Daud al-Fatani", "Sheikh Daud Waliullah" dan "Sheikh Daud Keramat" (Wan Mohd. Shaghir 1990). Beliau dilahirkan di Kampung Kerisik sekitar Wilayah Patani Thailand pada tahun 1131H/1718M (Hadenan 2013). Bahkan Muhammad Akmal dan Faudzinaim (2018) menyatakan bahawa tarikh kelahirannya berlaku perselisihan kepada tiga pandangan iaitu 1133H/1720M, 1153H/1740M dan 1183H/1769M. Hal ini dapat dibuktikan menerusi syair yang dikarang oleh Haji Muhammad Hussain bin Abdul Latif al-Fatani dalam kitab *Hiidayah*

*al-Muta 'allim wa 'Umdah al-Mu 'allim* iaitu : “*Fatani yang masyhur negeri muallifnya; kampungnya itu Kerisik yang hampir sungainya.*” (Hadenan 2013).

Nama beliau di Nusantara sangat terkenal sebagai seorang ulama Melayu yang prolifik dan membimbing masyarakat dalam perkara agama sama ada akidah, fiqh, tasawwuf dan sebagainya menerusi karya-karyanya yang agung (Hadenan et al. 2013, Fatihah et al. 2019 & Abdul Rahman et al. 2019). Bukan itu sahaja, malah beliau telah menaikkan nama ketokohan orang Melayu dan para ulamanya di persada antarabangsa dalam negara-negara Islam seperti *al-Makkah al-Mukarramah*. Ini menunjukkan bahawa ilmu agama Islam itu tidak tertakluk kepada orang Arab sahaja bahkan kepada semua manusia daripada pelbagai kaum dan bangsa yang diberikan hidayah dan taufiq daripada Allah SWT untuk memahami ilmu agamanya dengan mendalam (Mohd Faisal & Mualimin 2019). Kehebatan beliau diakui oleh Hooker (1986) dari sudut keilmuan dan ketokohan Sheikh Daud al-Fatani tiada tandingan dan bandingannya dengan ulama lain pada zamannya dan zaman selepasnya sehingga kini (Hadenan 2017).

Beliau mendapat pendidikan awal daripada keluarga kandungnya sendiri iaitu Sheikh Wan Abdullah yang merupakan bapa kandungnya dan Sheikh Wan Idris yang merupakan datuk kandungnya sendiri. Tambahan lagi, beliau sempat berguru dengan beberapa ulama besar daripada Yaman dan Timur Tengah. Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa beliau mempelajari ilmu agama juga di negeri Aceh sekitar dua tahun sahaja sebelum bertolak ke negeri Hijaz untuk menuntut ilmu agama secara meluas dengan para ulama besar di sana. Beliau belajar ilmu di Mekah selama 30 tahun dan di Madinah sekitar 5 tahun (Hadenan 2010). Antara guru-guru beliau yang pernah beliau mengambil ilmu secara talaqqi ialah Sheikh Muhammad al-Sa'ad, Sheikh Ali bin Ishaq al-Fatani, Sheikh Muhammad Soleh bin Ibrahim, Sheikh Muhammad bin Sulaiman, Sheikh Isa bin Ahmad al-Barawi, Sheikh Muhammad bin Sulaiman al-Kurdi dan sebagainya. Bukan itu sahaja, malah beliau memiliki ramai anak murid yang mengambil ilmu daripadanya seperti Sheikh Muhammad bin Ismail al-Fatani, Sheikh Abdul Qadir bin Abdul Rahman al-Fatani, Sheikh Wan Musa al-Fatani, Sheikh Abdul Halim Kelantan, Raja Haji Ahmad Riau, Raja Haji Abdullah Riau dan sebagainya bahkan ini merupakan faktor kepada kemasyhuran beliau seantero dunia (Syarif Makki 2016 & Joni Tamkin 2002). Beliau telah wafat di luar Patani iaitu Ta'if sekitar tahun 1265H/1847M berdasarkan salah satu daripada catatan keluarganya (Hadenan & Joni Tamkin 2012b & Wan Mohd Shaghir 1991).

## DALIL TAFSILI DALAM AKIDAH YANG MENUNJUKKAN BAHARU ALAM

Dalil merupakan suatu perkara yang menguatkan perkhabaran dan pegangan seseorang terhadap sesuatu. Para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah menyatakan hukum wajib terhadap setiap mukallaf untuk mengetahui dalil terhadap Allah SWT dan para rasulnya dari sudut wajib, mustahil dan harus pada akal. Hal ini demikian kerana dapat mengelakkan seseorang mukallaf itu terjebak dalam taqlid buta dan tiada sandaran terhadap pegangannya (Al-Jambuwi t.t). Bukan itu sahaja, malah ini merupakan salah satu sebab kepada pemahaman ilmu berkenaan dengan ketuhanan, kenabian dan sebagainya iaitu dengan mengenalinya menerusi akal fikiran berteraskan dalil yang kuat dan putus (Muhammad 2018). Muhammad Zayn (t.t) mengatakan bahawa dalil tersebut wajib diketahui sama ada secara wajib 'ainiy atau wajib *kifayah*. Dalil secara wajib 'ainiy itu merupakan suatu kewajiban untuk mengetahuinya oleh setiap individu mukallaf yang menunjukkan bahawa sabitnya sifat-sifat kesempurnaan kepada Allah SWT dan sucinya daripada segala sifat yang menunjukkan kekurangan bagi Allah SWT bahkan ia sudah mencukupi di sisi jumhur ulama untuk melepaskan fardu ain seseorang (Abu Qutaybah 2020 & al-Bayjuri, 2010). Bukan itu sahaja bahkan ia dinamakan sebagai dalil *ijmali* yang merupakan

dalil yang lemah untuk merungkaikan segala kesamaran yang didatangkan oleh pihak musuh (Daud al-Fatani t.tb & al-Sharqawi 2013).

Adapun dalil secara wajib *kifayah* itu dinamakan sebagai dalil *tafsili*. Ia merupakan dalil yang kuat bahkan dikatakan *burhan* yang yakin dalam menolak segala kesamaran yang timbul dan mampu menjawab segala persoalan daripada pihak yang batil (al-Bayjuri, 2001). Dalil secara *tafsili* ini memadai bagi setiap daerah sejauh dua marhalah memiliki seorang yang mengetahuinya untuk melepaskan tuntutan fardu *kifayah* dalam masyarakat tersebut (al-Laqqani 2019). Bukan itu sahaja, malah pengetahuan secara terperinci juga berlaku kepada dua puluh sifat Allah SWT sahaja yang wajib dipelajari oleh setiap mukallaf dengan mengetahui dalil akal secara *ijmali* (al-Bantani 2007 & Ismail al-Fatani t.t). Al-Bantani (2011) mengistilahkan pegangan akidah secara berdalil ini dengan iman *istidlali*.

Apabila seseorang mukallaf tidak mengetahui dalil dalam ilmu akidah walaupun yang berkaitan dengan kerasulan maka dikategorikan sebagai orang yang bertaqlid bahkan al-Bantani (2011) mengistilahkan sebagai iman *taqlidi*. Majoriti ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah mengatakan bahawa orang yang bertaqlid dalam ilmu akidah ini tidak boleh terlepas daripada syak dan kebingungan dalam pegangannya ('Abd al-Salam 2019 & Muhammad 2001). Terdapat enam pandangan ulama berkenaan dengan taqlid dalam bab akidah. Pertamanya, tidak memadai dengan seseorang itu bertaqlid iaitu tidak sah seseorang bertaqlid dalam bab akidah bahkan menjadi kafir sepertimana dinukilkhan daripada al-Sanusi dalam karyan-karyanya *Sharh al-Kubra*, *Sharh al-Wusta* dan *Sharh al-Sughra* (al-Yusi 2008).

Pandangan kedua pula mengatakan bahawa sah iman seseorang dengan bertaqlid akan tetapi dia berdosa sama ada dia *ahliyyah al-nazar* iaitu orang yang boleh berfikir dan belajar ataupun tidak. Pandangan ketiga menyatakan sah imannya dengan bertaqlid bagi mereka yang boleh berfikir dan belajar akan tetapi berdosa sedangkan mereka yang tiada berkeahlian dalam berfikir dan belajar tidak memiliki dosa. Seterusnya, terdapat pandangan yang mengatakan jikalau seseorang bertaqlid dengan dalil al-Quran dan Hadith yang mutawatir maka sah imannya. Sebaliknya, jikalau dia berpegang kepada dalil yang tidak menunjukkan tahap mutawatir maka tidak sah imannya kerana berkemungkinan berlakunya kesalahan dalam pegangan hatinya dalam bab akidah. Pandangan kelima pula menyatakan bahawa sah iman seseorang itu dengan bertaqlid semata-mata sama ada dia berkeahlian untuk belajar dan berfikir ataupun tidak bahkan tidak berdosa. Pandangan terakhir mengatakan bahawa iman orang yang bertaqlid itu sah kerana haram untuk seseorang itu berhujah dan berfikir. Pendapat terakhir ini berlaku kerana ulama mengharamkan berfikir dan berhujah melalui jalanan kelompok falsafah yang sesat yang membawa kepada tergelincir akidahnya (al-Bantani 2008 & Muhammad Muhy al-Din 2019).

Oleh itu, para ulama menggunakan alam sebagai dalil dan bukti terhadap kewujudan Allah SWT. Bahkan alam ini bukan sekadar manusia dan jin sepertimana yang dinyatakan oleh al-Bayjuri (2001), bahkan ia dikategorikan sebagai jirim dan '*arad*. Semua makhluk Allah SWT tidak akan terlepas daripada dua elemen tersebut (Abd al-Qadir al-Fatani t.t). Semestinya jirim memiliki sifat dan '*arad* kerana tidak terlintas dalam akal fikiran seseorang bahawa jirim itu ada tanpa sifat dan '*arad* yang turut ada bersamanya. Bahkan juga tidak dapat difikirkan oleh akal bahawa '*arad* itu berada dengan sendirinya tanpa berhajat kepada jirim. Selain itu, '*arad* juga tidak boleh berpindah dengan sendirinya tanpa menumpang kepada zat jirim. Tambahan lagi, jikalau jirim bersifat dengan gerak maka lawan bagi gerak iaitu diam tidak bersembunyi di jirim tersebut kerana jika berlaku sedemikian maka akan nyatalah berkumpul dua perkara yang saling berlawanan antara satu sama lain. Begitu juga mustahil seseorang mampu berfikir bahawa jirim dan '*arad* yang baharu ini berstatuskan *qadim* dan azali. (al-Suhaymi 1983, al-Dusuqi 2012 & al-Bayjuri 2001). Begitulah persoalan dan perbincangan para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dalam membahaskan jirim dan '*aradh* yang merupakan kategori alam

dan makhluk. Kesemuanya itu memberi petunjuk bahawa kewujudan, zat dan sifat Allah SWT tidaklah sedemikian rupa bahkan ia tidak mampu difikirkan oleh akal manusia yang terbatas ini.

## HUBUNGAN *SHAKL* DENGAN *QIYAS* BERDASARKAN PANDANGAN ULAMA MANTIK

*Shakl* dari sudut bahasa membawa makna keadaan sesuatu perkara. Adapun menurut istilah ulama mantik ialah keadaan dua premis atau *qadiyah qiyas* (al-Damanhuri 2011). Menurut sebahagian ulama mengatakan bahawa *shakl* ini terbahagi kepada tiga bahagian. Walaupun begitu, pandangan muktamad yang dipegang oleh majoriti ulama mantik ialah *shakl* memiliki empat *shakl* kesemuanya (al-Akhndari 2011). *Shakl* ini yang membentuk premis yang benar dan tepat bagi menghasilkan natijah yang boleh diterima. Sebaliknya, jika susunan premis *qiyas* itu tidak mengikuti salah satu daripada susunan *shakl* ini akan mengakibatkan natijah *qiyas* yang diperoleh menjadi rosak dan tidak benar.

Al-Bayjuri (2005) mengatakan bahawa pandangan ulama mantik menyatakan *shakl* ini berlaku dalam *qiyas al-iqtirani al-hamli*<sup>1</sup> sahaja dan tidak berlaku kepada *qiyas al-sharti*<sup>2</sup>. Walaupun begitu, pendapat tersebut merupakan pendapat yang lemah dalam kalangan para ulama bahkan yang kuatnya ialah *shakl* yang empat jenis ini turut berlaku dalam segala *qiyas al-hamli* ataupun *qiyas al-sharti* (al-Quwaysini 2014). Oleh itu, *shakl* yang pertama ialah kedudukan *al-had al-awsat*<sup>3</sup> berada pada tempat *mahmul*<sup>4</sup> dalam *al-muqaddimah al-sughra*<sup>5</sup> dan berada pada tempat *mawdu'* dalam *al-muqaddimah al-kubra*<sup>6</sup> seperti seseorang berkata alam itu tersusun dan setiap yang tersusun itu baharu (al-Ansari t.t & al-Jamal Ali 1985).

*Shakl* yang kedua pula berlaku jika *al-had al-awsat* berada pada kedudukan *mahmul* pada kedua-dua premis sama ada *sughra* mahupun *kubra*. Contohnya, seseorang berkata alam itu berubah-ubah dan tidak ada sesuatu pon daripada yang *qadim* ini berubah. Ini akan menghasilkan natijah bahawa alam ini memang benar berubah-ubah dan tidak berlaku sedemikian pada perkara yang *qadim*. *Shakl* yang ketiga berlaku jika sekiranya *al-had al-awsat* berada pada kedudukan *mawdu'* dalam kedua-dua premis sama ada *sughra* atau *kubra* seperti seseorang berkata setiap manusia itu haiwan dan manusia itu akan mati. Ini akan menatijahkan bahawa haiwan itu akan mati. Adapun *shakl* yang terakhir iaitu yang keempat akan berlaku sekiranya *al-had al-awsat* berada pada kedudukan *mawdu'* dalam *al-muqaddimah al-sughra* dan *mahmul* dalam *al-muqaddimah al-kubra*. Hal ini sepertimana seseorang berkata bahawa Perkara yang berubah-ubah itu baharu dan alam ini berubah-ubah akan menatijahkan alam ini baharu (al-Ansari t.t, al-Jamal Ali 1985 & al-Najar 2015).

<sup>1</sup> *Qiyās* yang tidak disebutkan sama sekali natijahnya *bi al-fī lī* (secara langsung) bahkan ia terbina secara *bi al-quwwah* (secara tidak langsung) sahaja kerana mengandungi ayat-ayat yang terdapat dalam premis-premis yang dinyatakan. (Muhammad 'Alīsh, 2008. *Hāshiyah Muhammād 'Alīsh 'alā Sharḥ Shaykh al-Islām Zakariyā al-Anṣārī 'alā Isāghūjī*, Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 121).

<sup>2</sup> *Qiyās* ini menyebutkan natijahnya secara langsung menerusi premis yang kedua secara jelas. (Muhammad 'Alīsh, 2008. *Hāshiyah Muhammād 'Alīsh 'alā Sharḥ Shaykh al-Islām Zakariyā al-Anṣārī 'alā Isāghūjī*, Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 121).

<sup>3</sup> Frasa ayat yang berada pada dua premis dengan perbezaan kedudukannya sama ada pada ayat subjek ataupun predikat bagi kedua-dua premis tersebut. (Sa'īd 'Abd al-Laṭīf Fawdah, t.t, *Ta'dīl Risālah al-Qiyās min 'Ilm al-Mantiq li al-'Allāmah Ismā'il bin Muṣṭafā al-Kalnabawi*, Lubnan: Dār al-Dhakhā'in, 76).

<sup>4</sup> Sesuatu yang berada pada kedudukan predikat dalam frasa ayat (Sa'īd Ibrāhīm Qadūrah, 2020, *Sharḥ Sa'īd Qadūrah 'ala al-Sullam*. Lubnan: Dār al-Taḥqīq li al-Taba'ah li al-Nashr wa al-Tawzī', 472).

<sup>5</sup> Premis pertama dalam *al-qiyās al-iqtirānī*. (Ahmad al-Damanhūrī, 2011, *Idāh al-Mubham min Ma 'ānī al-Sullam*. Jakarta: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 46).

<sup>6</sup> Premis kedua dalam *al-qiyās al-iqtirānī*. (Ahmad al-Damanhūrī, 2011, *Idāh al-Mubham min Ma 'ānī al-Sullam*. Jakarta: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 46).

## **KAEDAH SHAKL YANG DIBINA OLEH SHEIKH DAUD AL-FATANI UNTUK MENGHASILKAN NATIJAH BAHRU ALAM DALAM AL-DUR AL-THAMIN**

Berlaku perselisihan dalam kalangan para ulama tentang wajah alam ini sama ada baharu ataupun *mungkin* ataupun baharu serta *mungkin* (Daud al-Fatani t.ta & al-Sharqawi 2013). Oleh sebab itu, Sheikh Daud al-Fatani mengemukakan semua dalil secara *tafsili* berkenaan dengan semua wajah alam yang diperselisihkan oleh para ulama *mutakallimin* tersebut. Hal ini dapat dibuktikan menerusi karyanya yang bernama *al-Dur al-Thamin* :

*“...maka misal yang pertama (atas pandangan yang kata alam ini baharu) itu dikatanya al-‘alam hadith wa kul hadith lahu sani’ fa al-‘alam lahu sani’ yakni alam ini baharu dan tiap-tiap yang baharu itu ada baginya yang menjadikan dia maka alam ini ada yang menjadikan dia. Dan misal yang kedua(atas pandangan yang mengatakan alam ini mungkin) dikatanya bahawa alam mungkin dan tiap-tiap mungkin lahu sani’(baginya ada yang menciptakannya) maka alam ini ada baginya sani’(yang menjadikannya). Misal yang ketiga itu bahawa dikatanya alam mungkin yang baharu dan tiap-tiap mungkin yang baharu itu maka baginya sani’(yang menjadikannya). Maka jika ia tahu yang demikian itu maka dinamakan ‘arif dan dapat menghuraikan syubhah dan menetapkan dalil tafsili namanya bukan dalil jumli...”*

Dari pada premis yang disusun oleh Sheikh Daud al-Fatani sendiri menerusi *al-had al-akbar*, *al-had al-awsat* dan *al-had al-asghar* itu dapat melihat kaedah *shakl* yang diaplikasikan dalam semua hujah dan dalil secara *tafsili* tersebut. Pertamanya, wajah dalil yang mengatakan bahawa alam ini baharu maka susunan *shakl* yang empat jenis tersebut dapat disusunkan sepetimana berikut berdasarkan teks di atas :

**Jadual 1 : Susunan Premis *Shakl* Pertama**

Premis Pertama	Alam ini baharu.
Premis Kedua	Tiap-tiap baharu itu ada baginya yang menjadikan.
Natijah	Alam ini ada baginya yang menjadikannya.

**Jadual 2 : Susunan Premis *Shakl* Kedua**

Premis Pertama	Alam ini baharu.
Premis Kedua	Tidak ada sesuatu daripada yang menjadikan sesuatu itu baharu.
Natijah	Alam ini bukannya sesuatu daripada yang menjadikan sesuatu.

**Jadual 3 : Susunan Premis *Shakl* Ketiga**

Premis Pertama	Setiap alam ini baharu.
----------------	-------------------------

Premis Kedua	Alam ini ada baginya yang menjadikannya.
Natijah	Perkara yang baharu itu ada baginya yang menjadikannya.

Jadual 4 : Susunan Premis *Shakl* Keempat

Premis Pertama	Perkara yang baharu itu ada baginya yang menjadikannya.
Premis Kedua	Alam ini baharu.
Natijah	Alam ini ada baginya yang menjadikannya.

Jadual 1 hingga 4 di atas merupakan hasil *shakl* yang berdasarkan dalil alam ini baharu. Jadual yang pertama dan keempat menampakkan hasil dan natijah yang serupa. Walaubagaimanapun, Sheikh Daud al-Fatani mengaplikasikan kaedah *shakl* yang pertama dalam karyanya *al-Dur al-Thamin*.

Atas pandangan ulama lain yang mengatakan wajah kenapa alam itu dijadikan sebagai dalil ialah kerana alam tersebut merupakan perkara *mungkin* iaitu sama taraf antara ada dan tiada sesuatu. Oleh sebab itu, Sheikh Daud al-Fatani turut mendatangkan dalil secara *tafsili* terhadap pandangan yang mengatakan bahawa alam ini *mumin*. Hal ini dapat dibuktikan daripada teks Sheikh Daud al-Fatani (t.ta) itu boleh berpecah kepada empat jenis *shakl* :

Jadual 5 : Susunan Premis *Shakl* Pertama

Premis Pertama	Alam ini <i>mungkin</i> .
Premis Kedua	Tiap-tiap <i>mungkin</i> itu ada baginya yang menjadikan.
Natijah	Alam ini ada baginya yang menjadikan.

Jadual 6 : Susunan Premis *Shakl* Kedua

Premis Pertama	Alam ini <i>mungkin</i> .
Premis Kedua	Tidak ada sesuatu daripada yang menjadikan sesuatu itu <i>mungkin</i> .
Natijah	Alam ini bukannya sesuatu daripada yang menjadikan sesuatu.

Jadual 7 : Susunan Premis *Shakl* Ketiga

Premis Pertama	Setiap alam ini <i>mungkin</i> .
----------------	----------------------------------

Premis Kedua	Alam ini ada baginya yang menjadikannya.
Natijah	Perkara yang <i>mungkin</i> itu ada baginya yang menjadikannya.

Jadual 8 : Susunan Premis *Shakl* Keempat

Premis Pertama	Perkara yang <i>mungkin</i> itu ada baginya yang menjadikannya.
Premis Kedua	Alam ini <i>mungkin</i> .
Natijah	Alam ini ada baginya yang menjadikannya.

Jadual 4 hingga 8 di atas merupakan hasil *shakl* yang berdasarkan dalil alam ini *mungkin*. Jadual yang kelima dan kelapan menampakkan juga hasil dan natijah yang serupa. Walaubagaimanapun, Sheikh Daud al-Fatani mengaplikasikan kaedah *shakl* yang pertama dalam pendalilan alam ini *mungkin* yang terdapat pada karyanya tersebut.

Atas pandangan ulama lain pula yang mengatakan wajah kenapa alam itu dijadikan sebagai dalil ialah kerana alam tersebut merupakan perkara *mungkin* lagi pula baharu. Oleh sebab itu, Sheikh Daud al-Fatani turut juga mendatangkan dalil secara *tafsili* terhadap pandangan yang mengatakan bahawa alam ini *mumin* lagi baharu sepertimana dalil-dalil secara *tafsili* yang telah disebutkan. Hal ini dapat dibuktikan daripada teks Sheikh Daud al-Fatani (t.ta) itu dapat dipecahkan kepada empat jenis *shakl* juga :

Jadual 9 : Susunan Premis *Shakl* Pertama

Premis Pertama	Alam ini <i>mungkin</i> yang baharu.
Premis Kedua	Tiap-tiap <i>mungkin</i> yang baharu itu ada baginya yang menjadikan.
Natijah	Alam ini ada baginya yang menjadikan.

Jadual 10 : Susunan Premis *Shakl* Kedua

Premis Pertama	Alam ini <i>mungkin</i> yang baharu.
Premis Kedua	Tidak ada sesuatu daripada yang menjadikan sesuatu itu <i>mungkin</i> yang baharu.
Natijah	Alam ini bukannya sesuatu daripada yang menjadikan sesuatu.

Jadual 11 : Susunan Premis *Shakl* Ketiga

Premis Pertama	Setiap alam ini <i>mungkin</i> yang baharu.
----------------	---

Premis Kedua	Alam ini ada baginya yang menjadikannya.
Natijah	Perkara <i>mungkin</i> yang baharu itu ada baginya yang menjadikannya.

Jadual 12 : Susunan Premis *Shakl* Keempat

Premis Pertama	Perkara <i>mungkin</i> yang baharu itu ada baginya yang menjadikannya.
Premis Kedua	Alam ini <i>mungkin</i> yang baharu.
Natijah	Alam ini ada baginya yang menjadikannya.

Jadual 9 hingga 12 di atas merupakan hasil *shakl* yang berteraskan dalil alam ini *mungkin* yang baharu. Jadual yang kesembilan dan kedua belas menunjukkan juga hasil dan natijah yang sama. Walaubagaimanapun, Sheikh Daud al-Fatani mengaplikasikan kaedah *shakl* yang pertama juga sepetimana dua dalil yang telah dibahaskan dalam pendalilan alam ini *mungkin* yang baharu di mana ia terdapat pada karyanya tersebut iaitu *al-Dur al-Thamin*. Pemilihan Sheikh Daud al-Fatani terhadap penggunaan kaedah *shakl* yang pertama itu sangat tepat kerana menurut ulama mantik ia merupakan susunan *shakl* yang paling diutamakan berbanding dengan segala *shakl* yang lain (‘Iwadullah 2016, al-Damanhuri 2011 & al-Quwaysini 2014). Bukan itu sahaja, bahkan kebanyakan ulama *mutakallimin* juga mengutamakan qiyas yang berteraskan *shakl* pertama dalam membuktikan bahawa alam ini baharu, *mungkin* atau *mumkin* yang baharu dalam karya-karya mereka yang agung.

## KESIMPULAN

*Al-Qiyās al-iqtirānī* ini merupakan salah satu bentuk *qiyās* yang diaplikasikan oleh para ulama *mutakallimīn* dalam menghuraikan hujah yang membabitkan akidah. Oleh itu, Sheikh Daud al-Fatani mengetengahkan konsep *qiyās* dalam penghujahan yang berkaitan dengan alam dan penciptanya. Pada zahirnya, segala natijah *qiyās* yang dikemukakan itu merujuk kepada adanya pencipta. Namun begitu, para rasul yang bertugas untuk menceritakan kepada umat terhadap nama pencipta tersebut ialah Allah SWT menjadi sebab para ulama mendatangkan secara langsung perkaitan dan hubungan natijah *qiyās* tersebut dengan Allah SWT. Tambahan lagi, Sheikh Daud al-Fatani mengaplikasikan *shakl* pertama dalam *al-qiyās al-iqtirānī* di mana ia merupakan penggunaan *shakl* yang paling diutamakan oleh para ulama mantik. Hal ini demikian kerana impak yang besar bagi natijah menerusi *shakl* tersebut terhasil dengan penghujahan yang kukuh dan rapi berbanding penggunaan *shakl* dengan bentuk yang lain. Perkara ini dapat mendekatkan lagi kepercayaan dan keyakinan seseorang terhadap wujudnya zat yang menciptakan alam menurut kehendak dan kuasanya tanpa ada sekutu yang lain.

## RUJUKAN

Abd al-Salam Ibrahim. 2019. *Ithaf al-Murid bi Jawharah al-Tawhid*. Beirut : Dar al-Daqa’iq.

- Abdull Rahman Mahmood. 2006a. Pemikiran Akidah Shaykh Daud al-Fatani. Tesis Ph.D.. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdull Rahman Mahmood. 2006b. *Wahdat al-Wujud Menurut Syeikh Daud al-Fatani : Satu Analisis*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Mahmood & Wan Haslan Khairuddin. 2019. Pendekatan Syeikh Daud al-Fatani dalam Menganalisis Permasalahan Sifat Dua Puluh. *ISLAMIYYAT* 41(1) : 99-108.
- Abu Qutaybah Rashidi Abd al-Rahman. 2020. *Qala'id al-Jawahir fi Sharh Faridah al-Fara'id*. Patani : Saudara Faris al-Fatani.
- Al-Akhdari, Abd al-Rahman Muhammad. 2011. *Sharh al-Sullam al-Munawraq*. Jakarta : Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Al-Ansari, Zakariya. t.t. *Al-Matla' Sharh Isaghuji*. t.t.p : t.p.
- Al-Bantani, Muhammad Nawawi Umar. 2007. *Tijan al-Darari 'ala Risalah fi 'Ilm al-Tawhid li al-'Allamah al-Bajuri*. Jakarta : Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Al-Bantani, Muhammad Nawawi Umar. 2011. *Qatr al-Ghayth fi Sharh Masa'il Abi al-Laiyth*. Jakarta : Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Al-Bayjuri, Ibrahim Muhammad. 2001. *Tuhfah al-Murid 'ala Jawharah al-Tawhid*. Surabaya : al-Haramayn.
- Al-Bayjuri, Ibrahim Muhammad. 2005. *Hashiyah al-Bayjuri 'ala Matn al-Sullam*. Surabaya : al-Haramayn.
- Al-Bayjuri, Ibrahim Muhammad. 2010. *Tahqiq al-Maqam 'ala Kifayah al-'Awam fi 'Ilm al-Kalam*. Jakarta : Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Bradley, F. R. 2016. *Forging Islamic Power And Place : The Legacy of Sheikh Dā'ūd Bin Abd Allah al-Fatani in Mecca and Southeast Asia*. United States of America : University of Hawaii Press.
- Al-Damanhuri, Ahmad. 2011. *Idah al-Mubham min Ma'ani al-Sullam*. Jakarta : Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Al-Dusuqi, Muhammad Ahmad. 2012. *Hashiyah al-Dusuqi 'ala Sharh Umm al-Barahin*. Jakarta : Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Al-Fadani, Muhammad Yasin Isa. t.t. *Risalah fi 'Ilm al-Mantiq 'ala Tariq al-Sual wa al-Jawab*. Pulau Pinang : Dhi Yunaitid.
- Al-Fatani, Abd Qadir Wangah. t.t. *Mabda' al-Fikrah fi al-Maqulat al-'Asharah*. Patani : Percetakan Saudara Faris.
- Al-Fatani, Ahmad Muhammad Zayn. t.t. *Faridah al-Fara'id fi 'Ilm al-'Aqa'id*. Patani : Matba'ah Ibn Halabi.
- Al-Fatani, Daud Abdullah. t.ta. *Al-Dur al-Thamin*. Patani : Matba'ah Ibn Halabi.
- Al-Fatani, Daud Abdullah. t.tb. *Ward al-Zawahir li Hal Alfaz 'Iqd al-Jawahir*. t.t.p : t.p.
- Al-Fatani, Ismail Umar. t.t. *Mizan al-Dharari*. Patani : Ma'had Dar al-Muhajirin.
- Fatihah Ismail, Latifah Abdul Majid & Mohd Arif Nazri. 2019. Metode Interaksi Syeikh Daud al-Fatani Terhadap Hadith Da'if Dalam Jam'u al-Fawaaid wa Jawahir al-Qala'id. *Jurnal al-Turath* 4(2) : 1-12.
- Hadenan Towpek. 2010. Konsep Musyarakah Menurut Syeikh Daud al-Fatani Dalam Furu' al-Masa'il. *Jurnal al-Ulum* 10(2) : 235-252.
- Hadenan Towpek & Joni Tamkin Borhan. 2012a. Aspects of Economic Production in Malay Classical Literature According To Sheikh Daud al-Fatani. *Borneo Journal of Religious Studies* 1(1) : 3-12.
- Hadenan Towpek & Joni Tamkin Borhan 2012b. Pemikiran Ekonomi Syeikh Daud al-Fatani Menerusi Kitabnya Furu' al-Masa'il Tumpuan Kepada Elemen *Fiqhconomic*. *Journal of Fiqh* 9 : 113-136.

- Hadenan Towpek & Joni Tamkin Borhan. 2013. Relevansi Pemikiran Ekonomi Syeikh Daud al-Fatani Dengan Kontrak Pembiayaan Perbankan Islam. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research* 10(1) : 145-171.
- Hadenan Towpek. 2013a. Konsep Khayār Menurut Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani Dalam Furu' al-Masa'il. *Jurnal Syariah* 21(1) : 43-62.
- Hadenan Towpek. 2013b. Kaedah Penulisan Syeikh Daud al-Fatani Dalam Furu' al-Masa'il Dengan Tumpuan Kepada Bab Muamalat. *Jurnal Fiqh* 10 : 1-30.
- Hadenan Towpek. 2017. Aspek Pembiayaan Hutang Menurut Syeikh Daud al-Fatani Dalam Furu' al-Masa'il. *Shariah Journal* 25(3) : 395-414.
- Hooker, M. B.. 1986. *The Laws of South-east Asia*. Singapura : Butterworth & Co (Asia) Pte Ltd.
- 'Iwadullah Jad Hijazi. 2016. *Al-Murshid al-Salim fi al-Mantiq al-Hadith wa al-Qadim*. Terengganu : Dar Umar al-Mukhtar.
- Al-Jalal Ali al-Jamal. 1985. *Sharh al-Tahzib Ma'a al-Hashiyah*. Beirut : Dar al-Masirah.
- Al-Jambuwi, Nik Abdullah Nik Mat. t.t. *Pati Faridah al-Fara'id*. Patani : Matba'ah Ibn Halabi.
- Joni Tamkin Borhan. 2002. Beberapa Aspek Pemikiran Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani Dalam Perbankan Islam : Tumpuan Kepada Furu' al-Masa'il. *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam* 3(1) : 195-211.
- Al-Laqani, Ibrahim Ibrahim. 2019. *Hidayah al-Murid li Jawharah al-Tauhid*. Kaherah : Dar al-Mirath al-Nubuwwah.
- Muhammad Akmal R.Azmi & Faudzinain Badaruddin. 2018. Manuskrip MS 666 Karya Shaykh Daud al-Fatani : Satu Refleksi Awal. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(4) : 107-119.
- Muhammad 'Alīsh. 2008. *Hāshiyah Muhammad 'Alīsh 'alā Sharḥ Shaykh al-Islām Zakariyā al-Anṣārī 'alā Isāghūjī*, Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth.
- Muhammad Ali. 2018. *Iqd al-Fara'id 'ala Sharh al-'Aqa'id al-Nasafiyah li al-Taftazānī*. Kerachi : al-Bushra.
- Muhammad Muhammad. 2001. *Hashiyah Ibn al-Amir 'ala Ithaf al-Murid Sharh Jawharah al-Tawhid*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad Zayn al-Faqih Jalal al-Din. t.t. *Bidayah al-Hidayah Sharh Umm al-Barahin*. Pulau Pinang : Maktabah Matba'ah Dar al-Ma'arif.
- Muhy al-Din Abd al-Hamid. 2019. *Al-Nazam al-Farid bi Tahqiq Jawharah al-Tawhid*. Beirut : Dar al-Daqa'iq.
- Mohd Faisal Mohamed & Mualimin Mohammad Sahid. 2019. Syeikh Daud al-Fatani's Economic Thought Regarding The Concept of *Gharar* in The Book of Fiqh Jawi (*Sullam al-Mubtadi*) : Focusing On Akad *Mua'wadah*. *Malaysia Journal of Syariah and Law* 7(1) : 25-31.
- Al-Najar, Bilal Hamdan. 2015. *Hashiyah Bilal 'ala Idah al-Mubham min Ma'ani al-Sullam*. t.t.p : Dar al-Nur.
- Nur Syazana Adam & Syed Hadzrullathfi Syed Omar. 2018. Fana' Dalam Wacana Sufi Nusantara : Tinjauan Terhadap Pemikiran Sufi Sheikh Daud al-Fatani. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporeri* 16(1) : 22-32.
- Sa'id 'Abd al-Latīf Fawdah. t.t. *Ta'dīl Risālah al-Qiyās min 'Ilm al-Mantiq li al-'Allāmah Ismā'īl bin Muṣṭafā al-Kalnabawi*, Lubnan: Dār al-Dhakhā'in.
- Al-Sharqawi, Abdullah Hijazi. 2013. *Hashiyah al-Sharqawi 'ala Sharh al-Hudhudī*. Jakarta : Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Al-Suhaymi, Ahmad Muhammad. (1983). *Al-Muqtadi bi Sharh al-Hudhudī 'ala Umm al-Barahin*. Patani : Kedai Kitab Ihya' Ulumiddin.

- Syarif Maksi. 2016. Penceritaan Peristiwa Israk dan Mi'raj Oleh Sheikh Daud al-Fatani : Kajian Teks dan Pengaruhnya Dalam Masyarakat Islam di Fatani, Thailand. Tesis Ph.D.. Universiti Malaya.
- Al-Quwaysini, Hasan Darwish. 2014. *Sharh al-Shaykh Hasan Darwish al-Quwaysini 'ala al-Sullam fi al-Mantiq*. Jakarta : Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. 1990. *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani : Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*. Shah Alam : HIZBI.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. 1991. Sejarah Ringkas Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dan Karya-Karyanya. Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Keempat. 17-19 Disember.
- Al-Yusi, al-Hasan Mas'ud. 2008. *Hawashi al-Yusi 'ala Sharh Kubra al-Sanusi*. t.t.p : Matba'ah Dar al-Furqan.